

## PENUBUHAN SEKOLAH AGAMA SWASTA: MAAHAD TAHFIZ SAINS YAYASAN KHAIRIAH

### ***ESTABLISHMENT OF PRIVATE RELIGIOUS SCHOOL: MAAHAD TAHFIZ SAINS YAYASAN KHAIRIAH)***

**Illiana Alia binti Zakaria<sup>1</sup>**

**Illiana Aini binti Zakaria<sup>2</sup>**

**Abd. Muhammin bin Ahmad<sup>3</sup>**

**Syed Najihuddin bin Syed Hassan<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: illianaalia1311@gmail.com)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: illianaaini1311@gmail.com)

<sup>3</sup> Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: muhammin@usim.edu.my)

<sup>4</sup> Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

#### **Article history**

**Received date** : 7-8-2023

**Revised date** : 8-8-2023

**Accepted date** : 25-9-2023

**Published date** : 15-10-2023

#### **To cite this document:**

Zakaria, I. A., Zakaria, I. A., Ahmad, A. M., & Syed Hassan, S. N. (2023). Penubuhan Sekolah Agama Swasta: Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 146 - 157.

**Abstrak:** Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah (MTSYK) terletak di kampong Pisang Baling Kedah Malaysia. Ia adalah sebuah Sekolah Agama Rakyat yang telah diasaskan oleh Tuan Guru Haji Yahya Toha pada 1935. MTSYK adalah sebuah institusi ilmu berdimensi baru dibawah pengurusan dan pentadbiran SMA Yayasan Khairiah. MTSYK ini merupakan aliran dan cabang pengajian baru yang menggabungkan dua demensi ilmu yang berbeza yang bakal melahirkan golongan huffaz Al-Quran yang profesional serta Saintis yang berjiwa Al-Quran. Namun, Sekolah ini kurang diberi perhatian oleh masyarakat berbanding Sekolah Agama Kerajaan lain seperti Maahad Tahfiz Sains Darul Aman. Bahkan, masyarakat kurang mendalami susah jerih sistem pendidikan sekolah aliran swasta ini dalam menghasilkan para huffaz yang berkualiti. Kajian ini bertujuan untuk merungkaikan sejarah penubuhan MTSYK dan membahaskan kaedah pembelajaran yang digunakan serta untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sekolah tersebut. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang turut merangkumi tinjauan menggunakan bahan-bahan rujukan dari kajian akademik yang lepas. Hasil kajian ini mendapati banyak faedah yang boleh diambil untuk masyarakat umum dan pelajar khususnya. Masyarakat seharusnya menjadikan para huffaz sebagai teladan serta pemangkin generasi Al-Quran. Kesimpulannya, adalah menjadi harapan agar para pelajar tahfiz ini cemerlang dalam bidang akademik, agama serta menjadi golongan profesional seperti doktor, saintis atau jurutera yang hafiz. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada masyarakat.

**Kata Kunci:** *Al-Quran, Yayasan Khairiah, Huffaz*

**Abstract:** *Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah (MTSYK) is located in the village of Pisang Baling, Kedah, Malaysia. It is a People's Religious School that was founded by Tuan Guru Haji Yahya Toha in 1935. MTSYK is a knowledge institution with a new dimension under the management and administration of SMA Yayasan Khairiah. MTSYK is a new stream and branch of study that combines two different dimensions of knowledge that will produce professional Al-Quran huffaz and scientists with Al-Quran souls. However, this school receives less attention from the community compared to other Government Religious Schools such as Maahad Tahfiz Sains Darul Aman. In fact, the community does not understand the hard work of this private school education system in producing quality huffaz. This study aims to unravel the history of the establishment of MTSYK and debate the learning methods used as well as to identify the challenges faced by the school. The type of method used in this study is a qualitative method that also includes a survey using reference materials from past academic studies. The results of this study found many benefits that can be taken for the general public and students in particular. Society should make the huffaz as role models and catalysts of the Al-Quran generation. In conclusion, it is hoped that these tahfiz students excel in academics, religion and become professionals such as doctors, scientists or engineers who are good at hafiz. Therefore, it is hoped that this study can provide benefits and knowledge to the community.*

**Keywords:** *Al-Quran, Khairiah Foundation, Huffaz*

---

## Pendahuluan

Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah, Kampong Pisang, Kupang yang terletak di Baling, Kedah terus mengorak melangkah dengan menawarkan bidang baru pengajian Tahfiz Al-Quran dan Sains untuk masyarakat umum. Tuan pengetua,Ustaz Abdul Rahman bin Yahya menambah lagi dalam percakapan beliau bahawa Pusat tahfiz Al-Quran ini juga satu demensi baru dibawah pengurusan dan adalah salah-satu institusi pendidikan yang terletak dibawah pentadbiran SMAYK sepenuhnya. Selain itu, pusat pengajian ini mula beroperasi pada Januari 2010 dengan pengambilan seramai 35 orang pelajar dan ianya hanya melibatkan pelajar lelaki, manakala untuk tahun berikutnya 2012 bermaksud mereka akan menerima generasi ke-3. Menurut beliau, pengajian tersebut mempunyai 2 dimensi ilmu yang berbeza yang digabungkan dalam usaha mencetuskan dan membentuk golongan huffaz dan Al-Quran professional sekaligus saintis berjiwa Al-Quran.

Saban tahun, bilangan pengajian semakin banyak yang ditawarkan di negeri ini. Hal ini supaya masyarakat tidak perlu merantau jauh. Manakala dari segi kelayakkan dan kemasukan pusat tahfiz ini pula setiap pelajar haruslah memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu, lulus dengan keputusan 5A atau 4 A1 B dalam ujian penilaian sekoalh rendah UPSR. Tambahan lagi, selain keputusan UPSR, pelajar juga harus menduduki ujian durawwal dan lulus semua ujian sarinagan Tahfiz Sains. Hal ini kerana, syarat yang ditetapkan dan pemilihan yang ditetapkan oleh pihak sekolah ketat kerana ingin menghasilkan pelajar yang berkualiti serta mampu mengikuti pengajian hingga akhir. Walaubagaimana pun, sekolah agama rakyat biasa ini sepenuhnya dibawah pentadbiran lembaga tadbir Yayasan Khairiah. Akan tetapi ia juga masih dibawah kawalan dan pemantauan Jabatan Agama Negeri Kedah. Tuntasnya, sekolah ini sedang pesat membangangun dan berkembang menjadi sebuah institusi pengajian Agama yang meniti nama di seluruh Malaysia.

Penulisan kajian ini dijalankan adalah untuk merintis sejarah awal Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah di Kupang, Baling Kedah serta membahaskan kaedah pembelajaran yang digunakan. Kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sekolah tersebut sehingga dinobatkan sebagai sekolah agama terbaik tiga tahun berturut-turut dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia.

Selain itu, asal usul sekolah ini adalah Yayasan Khairiah yang dahulu sekolah tersebut hanyalah dikenali sebagai Pondok Pisang. Sehinggalah Yayasan Khairiah mampu tubuh Pusat Tafiz Al-Quran dan Sains. Kini, kian mengorak langkah dan dikenali sebagai Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah yang mana sebuah sekolah yang tidak asing lagi didengari di Negeri Kedah malah seluruh Malaysia. Ini menjadikan kajian ini menarik untuk dijalankan.

### Tinjauan Literatur

Terdapat lima jenis tinjauan literatur berkaitan kajian ini. Sekolah ini mempunyai sejarah yang tersendiri dalam mengorak langkah menjadi sebuah sekoalah yang tikak asing lagi di mata masyarakat.

Penulisan Pertama yang ditemui berkaitan penghasilan pelajar aliran agama yang giat menyebarkan dakwah segenap aspek. Penulisan yang disumbang oleh Syamimi Mohd Shrif @Mohd Sharif, Calon Prasiwazah, Pusat Kajian Arab dan Tamadun Islam, (UKM) seiringan bersama pensyarah, Pusat Kajian Dakwah Ketokohan Ustaz Abdul Jalil Bin Hanafee Dalam Bidang Dakwah dan Kepimpinan (UKM), Khazri Osman yang bertajuk “Ketokohan Ustaz Abdul Jalil Bin Haneef Dalam Bidang Dakwah”.

Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tentang ketokohan Ustaz Abdul Jalil bin Hanafee dalam bidang dakwah. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka latar belakang Ustaz Abdul Jalil bin Hanafee dan ketokohnanya. Metode penyelidikan yang telah digunakan adalah metode temubual dan dokumentasi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Ustaz Abdul Jalil merupakan seorang pendakwah bebas yang aktif berdakwah di mukim Rawang dan juga di seluruh negara. Setiap sekolah mempunyai sumbangan yang tersendiri yang mampu diberikan kepada masyarakat. Sekolah tersebut telah banyak melahirkan agamawan contohnya pendakwah bebas, Motivator, Mutowwif, Guru Agama dan lain-lain lagi. Antara hasil keluaran dan pentarbiahan sekolah tersebut salah-satunya ialah Ustaz Abdul Jalil yang tidak terkecuali dalam memberikan sumbangan beliau kepada masyarakat dengan penglibatan beliau dalam bidang dakwah Islamiyyah. Penglibatan beliau dalam bidang dakwah dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu penglibatan semasa dan juga penglibatan media. Malah, metode yang digunakan oleh pendakwah ini ialah asas metode dakwah yang telah diajar oleh Rasulullah SAW untuk berdakwah iaitu pendekatan *al-hikmah, al-maw'izah, al-hasannah dan al-mujadalah ni al-lati hiya ahsan* dalam menjalankan kegiatan dakwah beliau. (A.M. Ismatulloh)

Dakwah menurut Menurut Burhanuddin, Amnah & Sayuti, dapat disimpulkan bahawa inti pati dakwah merupakan aktiviti dan tindakan untuk mengubah manusia, baik individu ataupun masyarakat dari keadaan yang tidak baik kepada keadaan yang lebih baik. (Burhanudin Jalal, Amnah saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani).

Kajian literatur kedua yang ditemui berkaitan kesan hafalan Al-Quran mampu memberi kesan serta impak yang positif terhadap pelajar sekaligus mempu mendidik sahsiah dan kerohanian setiap individu itu sendiri ditulis oleh Anis Syahirah Fauzan dan Sabri Fauzan.

Dalam kajian ini, penulis meninjau persepsi kaedah amalan aktiviti hafazan dapat mengurangkan tahap tekanan dan meningkatkan tahap ketenangan pelajar untuk fokus dalam pelajaran. Disamping itu, kesan menghafaz Al-Quran ini juga ialah disiplin ketika menghafaz dan memelihara hafazan al-Quran dalam mendisiplinkan diri pelajar dalam bidang akademik. (m.sharif, 2021)

Kajian ini juga merujuk kepada teori pengajaran dan pembelajaran. Didapati dalam kajian ini penulis menggunakan kaedah kuantitatif yang berbentuk kaedah tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik. Oleh itu, kajian ini telah merumuskan bahawa aktiviti menghafal Al-Quran juga telah menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar.

Akhirnya, secara umumnya telah dijelaskan bahawa kajian ini tujuan penulis untuk mengkaji kesan dan hubungan hafazan al-Quran terhadap aspek kecemerlangan akademik pelajar Ijazah Sarjana Muda mendapatkan impak positif kepada kecemerlangan.

Seterusnya, penulisan ketiga yang ditemui kaitan antara adab-adab pembelajaran Al-Quran dan hafalan. Demikian itu, penulisan yang disumbang dari kalangan Institut Agama Islam Negeri, Devia Namira dan Ahamd Fikri Sabiq menulis di dalam jurnal ilmiah mereka yang bertajuk “Penanaman Adab Terhadap Al-Quran Bagi Para Siswa di SD Plus Tahfizul Quran (PTQ) Annida Salatiga”.

Dalam kajian ini penulis bagi mengetahui implemenasi penanaman adab Al-Quran yang dilaksanakan di SD PTQ Annida Salatiga dan peneliti melakukan penelitian bagaimana pelaksanaan penanaman adab terhadap Al-Quran kepada siswa. Penelitian dalam kajian ini menggunakan analisis kualitatif, dengan model analisa taksonomi yang didasarkan fokus pada domain, dan hanya satu karakteristik yang sama (Sugiyono 2015). Model ini menganalisis hasil wawancara dari narasumber dengan hasil observasi dan dokumentasi yang ada di lapangan. Didapati metode penelitian kajian ini penulis menggunakan penelitian lapangan dengan pendekatan kualitatif. Maka, telah dijelaskan bahawa tujuan utama adalah tentang bagaimana penanaman adab terhadap Al-Quran untuk siswa SD ketika menghafal Al-Quran. (Imam Nawawi 43AD).

Seterusnya, Kaitan antara adab-adab pembelajaran Al-Quran dan hafalan. dan merupakan bagian pembelajaran yang sangat berarti yang berkenaan dengan aspek-aspek perilaku dan nilai, baik pribadi maupun berhubungan dengan sosial masyarakat. Adab yang baik hendak membagikan pengaruh dalam kehidupan. Sehingga terdapat pepatah yang berkata “adab lebih mulia dari ilmu”. Oleh sebab itu nilai yang tercantum dalam agama perlu dikenal, dimengerti, diyakini serta diamalkan oleh manusia Indonesia supaya bisa jadi dasar karakter sehingga bisa jadi manusia yang utuh. Mengingat begitu berartinya adab dalam kehidupan, hingga perihal terkecil juga memiliki ketentuan tertentu (Ali 2011).

Akhirnya, secara umumnya kajian mendapatkan bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dan serta terdapat beberapa rekomendasi yang diberikan hasil daripada penelitian yang dibuat. Antaranya ialah, kepada pihak sekolah digalakkan mengkaji secara ilmiah mengenai metode penanaman adab agar lebih maju ke depan agar lebih kompatibel untuk diterapkan dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu, pada tahap menghafal Al-Quran siswa juga harus faham akan pentingnya adab dalam menghafal Al-Quran.

Penulisan terakhir yang ditemui adalah berkaitan persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahlif al-Quran yang disumbang oleh Azmil Hashim, pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam Latihan ilmiahnya bertajuk “Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahlif al-Quran di Malaysia”.

Dalam kajian ini penulis meninjau persepsi kaedah amalan pembelajaran tahlif di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran negeri (MTQN) di Malaysia.

Kajian ini merujuk kepada teori pengajaran dan pembelajaran tahlif yang telah diperkenalkan oleh al-Qabisi (1955). Demikian itu, dalam kajian ini penulis bergantung kepada persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahlif al-Quran melalui kaedah atau teknik yang disarankan antara teknik yang digunakan adalah mendengar, melihat, membaca dan menulis (al-Qabisi, 1955).

Didapati dalam kajian ini penulis menggunakan kaedah kuantitatif daripada soal selidik dan kualitatif terhadap pemerhatian. Maka, telah dijelaskan bahawa matlamat utama dalam pendidikan tahlif adalah makrifat al-din yang memberi pengertian memahami al-din dan pembentukan akhlak manusia.

Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran tahlif yang telah ditegaskan oleh beliau ialah hifz (hafaz), waiy (kefahaman), dan istirja' (membaca semula).

Akhirnya, secara umumnya kajian mendapati bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan dalam pembelajaran tahlif al-Quran yang perlu kepada penambahbaikan dan diperhalusi secara mendalam agar Langkah penyelesaian dapat diatasi dengan segera.

### **Sejarah Penubuhan Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah**



Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah terletak di Kampung Pisang, Kupang Baling, Kedah, Malaysia. Ia ialah sebuah Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang telah diasaskan oleh Tuan Guru Haji Yahya Toha pada 1935 Masihi. Sekolah ini pada asalnya adalah sebuah “pondok” SMA Yayasan Al-Khairiah ini asalnya adalah Pondok Kampung Pisang yang diasaskan arwah bapa, Tuan Guru Haji Yahya Taha yang dahulunya mengajar kitab thurat dan menghafal al-Quran. Sejarah penubuhan bermula dengan kepulangan Tuan Guru Haji Yahya bin Taha dari Tanah suci Mekah. Sedia maklum, sekolah ini juga merupakan sekolah yang bersistem terdiri daripada sistem peperiksaan, yang kelas mengikut masa yang ditetapkan, masa yang lebih sistematik dan sebagainya. Ketika itu sekolah ini bermula dengan mata pelajaran akademik, agama dan bahasa Arab serta menjadikan sekolah ini sama seperti sekolah harian biasa yang terdiri daripada sistem peperiksaan seperti SPM, PMR UPSR.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Al-Fadhil Ustaz Khairul Asyraf, temubual bersama Aini, Kedah, 3 Disember 2022.

Sebagai sebuah sekolah agama, sistem pendidikan yang digunakan disekolah ini merupakan sistem pendidikan agama yang mana pelajar juga didedahkan dengan sistem pendidikan negara agar mereka tidak ketinggalan dalam peranan mereka dalam institusi sosial dan supaya mereka dapat mengimbangi tuntutan dunia dengan keperluan akhirat. Selain daripada pendidikan formal, kuliah Fardhu Ain diadakan pada waktu pagi dan petang juga untuk meningkatkan ilmu agama serta mengamalkan ilmu yang diperoleh.<sup>2</sup>

Pada tahun 2010 Masihi, kemasukan pelajar MTSYK adalah terbuka hanya untuk pelajar lelaki sahaja. Sekolah ini dibuka dengan sistem agama dan hafazan untuk lelaki sahaja dan sambutan yang amat menggalakkan daripada pelajar kerana pada ketika itu sekolah merupakan satu-satunya sekolah yang mempunyai sistem sekolah agama dan hafazan. Pada tahun pertama dan kedua, pencapaiannya amat memberangsangkan tetapi pada tahun ketiga pencapaian murid-murid merosot sedikit disebabkan perbincangan antara sekolah-sekolah baru yang lain.<sup>3</sup> Kini, institut ini terdiri daripada lima kelas lelaki dan perempuan dalam kursus hafazan. Secara kebetulan, sekolah itu juga diilhamkan oleh sebuah sekolah agama yang terletak di Kelantan. Sejak penubuhannya, ia telah mengalami perubahan dan perkembangan yang radikal serta mampu bersaing dengan pembangunan negara dan seiring dengan pendidikan Malaysia.<sup>4</sup>

### **Moto MTSYK**

“Menjana Ummatul Quran”

### **Visi MTSYK**

“Menjana generasi Al-Quran yang profesional menjelang 2025”

### **Misi MTSYK**

Melahirkan anak bangsa yang berjiwa Al-Quran yang mampu menghayatinya serta mengamatinya di dalam kehidupan sebagai modal insan yang mampu berbakti kepada Agama, Bangsa dan Negara.

### **Matlamat Penubuhan MTSYK**

Matlamat Penubuhan Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah adalah untuk memperkasakan hala tuju Yayasan Khairiah bagi melahirkan insan yang mempunyai ciri-ciri berikut. Pertamanya ialah beriman kepada Allah dan rukun Iman yang lain. Seterusnya, melahirkan generasi ummah yang berilmu pengetahuan. Selain itu, ciri-ciri insan yang berakhhlak mulia dan berbudi pekerti juga merupakan matlamat penubuhan MTSYK. Akhir sekali, ciri yang terakhir ialah insan yang bertanggungjawab kepada Agama, Bangsa dan Negara juga merupakan matlamat penubuhan MTSYK yang terletak di Baling, Kedah Darul Aman.

### **Pengurusan Pembelajaran MTSYK**

Sedia maklum, Sekolah Menengah Agama Arab Yayasan Khairiah (SMAYK), terus mengorak langkah dengan memperkenalkan bidang-bidang baharu kepada masyarakat umum melalui pengajian hafazan al-Quran dan sains, dan digelar “Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah”. Semestinya setiap sekolah mempunyai sistem pentadbiran dan organisasi tersendiri. Perlu diingat bahawa organisasi dan pengurusan sekolah seperti kepimpinan pengetua sekolah

<sup>2</sup> “Sekolah Menengah Agama Arab Yayasan Khairiah,” Wikipedia, 14 Oct. 2019,

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah\\_Menengah\\_Agama\\_Yayasan\\_Khairiah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Menengah_Agama_Yayasan_Khairiah).

<sup>3</sup> Al-Fadhil Ustaz Asyraf, Temubual bersama Alia, Kedah, 30 Disember 2022.

<sup>4</sup> Al-Fadhil Ustaz Asyraf, Temubual bersama Alia, Kedah, 30 Disember 2022

mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan kualiti pendidikan dan pencapaian akademik pelajar. Sehubungan itu, kami menyertakan struktur organisasi dan klasifikasi pentadbiran Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah. seperti berikut:

### **Jawatankuasa Maahad Tahfiz dan Sains Yayasan Khairiah**

<b>Pengetua Sekolah</b> Haji Abd Rahman bin Yahya Taha	
<b>Penolong Kanan Akademik</b> Khairul Ashraf Abd Rahman	
<b>Setiausaha 1</b> Muhammad Bukhari bin Muhd Soleh	<b>Setiausaha 2</b> Shamsul Shah
<b>Penyelia Al-Quran</b> 1) Abdullah bin Ahmad 2) Saidin bin Husein	
<b>Penyelia Agama dan Bahasa Arab</b> 1) Khairuddin bin Baharuddin 2) Bashirah bin Hilmi	
<b>Penyelia Akademik</b> 1) Suhana Saad 2) Nur Idayu Sahak	
<b>Pembantu Makmal Sains</b> Zubaidah binti Ahmad	
<b>Pengurusan Asrama</b> Hanafi Nasif Abdul Rahman	
<b>Kawalan Dan Disiplin Sekolah</b> 1) Khairuddin bin Baharuddin 20) Shamsul Shah Shukor 3) Muhammad Bukhari bin Soleh	
<b>Kawalan Kelas Fardhu Ain</b> 1) Hanif Zambri 2) Saidin bin Husein 3) Habibah Adawiyah	

### **Bilangan Guru dan Pelajar**

Seperti institusi lain, ia akan bermula dengan hanya segelintir ahli fakulti dan pelajar. Pada fasa pertama, institut itu hanya mempunyai bilangan pelajar yang kecil pada 2010 kerana apabila Institut Amal Hafazan Sains Yayasan dibuka, mereka mengehadkan bilangan pelajar kepada 30 orang sahaja. Bagaimanapun, bilangan pelajar meningkat pada tahun-tahun berikutnya, dan peluang dibuka kepada pelajar perempuan pada tahun 2016. Selepas itu, jumlah pelajar hari ini adalah kira-kira 450 pelajar, pelajar cemerlang dan cemerlang khususnya di Institut Hafazan Sains, Yayasan Amal, dan bilangannya mencecah seramai 30 orang guru. Justeru, kami menyebut beberapa guru hafazan dan pendidik seperti berikut:

### **Guru Tahfiz dan Murabbi**

Saidin bin Husein	Khairuddin bin Baharuddin	Nusaibah binti Romli
Bahirah binti Hilmi	Muhd Bukhari bin Muhd Soleh	Shamsul Shah bin Shukur
Ilham binti Ishak	Hafidzah binti Zulkifli	Habibah Adawiyah
Azli bin Yahya	Muhammad faiz bin Muhd Noor	Aisyah binti Adbul Malik

Abdul Rahman Mahmud	Zawawi Ahmad	Hanif bin Roslan
Syuhada binti Abdul Manaf		Abdullah bin Ahmad

### **Kaedah yang digunakan dalam sesi hafalan dan tasmik.**

Manhaj yang digunakan oleh Maahad thafiz sains Yayasan Khairiah sebelum ini adalah manhaj yang lebih memfokuskan pada hafalan baru (sabak) sahaja tanpa melibatkan sistem ulangan yang dipanggil para sabak/ sabki dan mokhtar/manzil. Namun bermula pada tahun 2022, manhaj yang digunakan oleh Maahad tahiz sains Yayasan Khairiah dalam sesi hafalan dan tasmik terdiri daripada 3 tertib, yang pertama ialah Sabak yang bermaksud menghafal hafalan baru, manakala yang keduanya ialah Para Sabak/ Sabki yang bermaksud mengulangi sabak baru dan sabak sebelumnya dan yang terakhir iaitu Mokhtar atau Manzil yang bermaksud mengulangi afalan lama iaitu juzuk sebelum sabak terbaru.

### **Kaedah Pengaplikasian Tertib Hafalan:**

#### **Tertib 1: Sabak**

Untuk tertib yang pertama ini, perlu diketahui bahawa ia merupakan bahagian yang sangat penting untuk diambil perhatian oleh para guru tasmik. Pra guru tasmik wajib mendengar, memerhati, dan menegur terhadap kesalahan bacaan pelajar supaya kesalahan tersebut tidak berulang. Perlu dititikberatkan bahawa kesalahan bacaan sabak yang lebih dari tiga kali sama ada kesalahan tajwid atau ketidaklancaran bacaan, maka guru tasmik wajib menyuruh pelajar tersebut untuk mengulang semula. Tambahan pula, Angka tiga ditetapkan adalah kerana kesalahan sabak perlu diminimakan sebaik mungkin kerana kesalahan yang banyak akan memberi kesan kepada hafalannya dikemudian hari. Kesalahan yang dilakukan oleh setiap pelajar ketika pembacaan sabak, maka guru tasmik wajib menanda kesalahan tersebut didalam Al-Quran sebagai ingatan kepada pelajar tersebut Ketika sesi ulangan. Sabak wajib dibaca atau diperdengarkan kepada guru tasmik yang dilantik sahaja. Malah, tidak dibenarkan sama sekali untuk memperdengarkan kepada selain guru tasmik seperti ibu ayah, adik-beradik, kawan-kawan, abang senior dan lain-lain. Akhir Sekali, Sabak yang telah berjaya dibaca, wajib dicatatkan tarikh semasa di dalam Al-Quran pelajar tersebut untuk mengelakkkan masalah di kemudian hari.

#### **Tertib 2: Para/ Sabki:**

Pelajar yang telah Berjaya tertib yang pertama iaitu sabak, maka wajib menghantar tertib yang kedua iaitu para sabak. Untuk tertib ini, ia tidaklah seketal tertib yang pertama dahulu. Ianya lebih bersifat fleksibel. Ini bermakna para guru tasmik boleh memilih samada untuk mendengar sendiri bacaan para sabak tersebut atau meminta pelajar lain yang telah selesai untuk mendengarkan bacaan tersebut disamping guru tasmik juga memantau bacaan tersebut. Bacaan para sabak yang wajib dihantar oleh pelajar adalah gabungan daripada sabak semasa dan sabak sehari sebelumnya.

#### **Tertib 3: Moktar/ Manzil**

Pelajar yang telah berjaya menghantar tertib yang pertama dan kedua maka wajib pula menghantar tertib yang ketiga iaitu Mokhtar atau Manzil. Sepertimana tertib yang kedua dahulu, tertib ini juga tidaklah seketal tertib pertama dari segi kelancaran dan kesalahan. Namun begitu, tetap para guru tasmik perlu mengambil perhatian terhadap tertib ini. Jika berlaku kesalahan atau ketidaklancaran yang ketara, maka diminta pelajar tersebut untuk mengulang semula. Selain itu, Tertib ini juga fleksible seperti tertib kedua dahulu dari segi pelaksanaannya

iaitu guru tasmik dpberi pilihan samada untuk mendengar sendiri bacaan mokhtar itu atau meminta pelajar lain yang telah selesai untuk mendengarkan bacaan tersebut disamping juga guru tasmik memantau bacaan tersebut. Seterusnya, Bacaan Mokhtar atau Manzil yang wajib dihantar oleh para pelajar adalah juzuk sebelum daripada juzuk semasa sabak pelajar tersebut. Contohnya, juzuk semasa sabak pelajar adalah juzuk 2. Maka mokhtarnya adalah juzuk 1.

### **Kelebihan dan Kelemahan**

#### **Kelebihan kaedah yang digunakan dalam penghafalan MTSYK**

1. Kekuatan kurikulum yang digunakan oleh Institut pada peringkat ini adalah kali pertama pelajar boleh mengulang hafalan baru "sabak" sekurang-kurangnya tiga kali, iaitu kali pertama mereka menghafal secara bersendirian atau bersama rakan mereka dan kemudian membaca kepada guru.
2. Kali kedua ialah menghantar "Sabki" dan kali ketiga apabila menghantar "Mokhtar/Manzil". Ini memberi kesan yang sangat baik kepada pelajar dalam memantapkan hafalan yang baru dipelajari. Selain itu, pelajar boleh mengulang hafazan lama supaya pelajar tidak melupakan hafazan lama.
3. Pelajar boleh menyemak senarai yang dihantar sehari sebelum senarai diserahkan, di samping memantapkan lagi hafalan pelajar.

#### **Kelemahan kaedah yang digunakan dalam penghafalan MTSYK**

Salah satu kecacatannya ialah masa yang ditetapkan untuk belajar, tidak setimpal dengan kaedah pembelajaran yang dilaksanakan. Hal ini kerana, pembelajaran yang digunakannya memerlukan masa yang lama untuk di tasmik dan bergantung kepada bilangan guru. Sekiranya bilangan guru ramai, maka kaedah penghafalan ini dapat dilaksanakan dengan lancar. Jika tidak, pendekatan ini tidak boleh dilakukan sepenuhnya.

Kelemahan dalam sesi hafazan ialah murid sukar untuk menghafalnya. Terdapat juga beberapa pelajar yang mengatakan bahawa cabaran dalam hafazan ialah pembahagian masa dan jadual yang begitu padat bagi kelas hafazan dan kelas akademik.

Pelajar juga tidak memberi tumpuan sepenuhnya kepada aktiviti kurikulum, masa mereka hanya terhad kepada aktiviti hafazan sahaja.

### **Senarai Mata Pelajaran**

Senarai mata pelajaran di MTSYK terdiri daripada empat kategori. Pertamanya ialah Al-Quran. Bagi subjek Al-Quran itu sendiri terdapat padanya Tasmi', Murajaah, Takrir, Tajwid Ilmi dan Tajwid Amali. Seterusnya, mata pelajaran Arab pula terdapat padanya Tabir atau Insyak, Nahu dan Sorof, Mutalaah, Imla' dan Khot, Balaghah, Tarikh Adab dan Nusus, Arud dan Qafiah, Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi. Selain itu, bagi subjek Agama pula terdiri daripadanya ilmu Tafsir, Hadith dan Mustholah, Fiqh, Usul Fiqh, Tarikh Islam, Tauhid dan Mantiq, Sains dan Al- Quran, Pendidikan Islam dan Pendidikan Quran Sunnah. Akhir Sekali, mata pelajaran yang terdapat di MTSYK adalah katogeri Akademik dan Sains yang terdiri daripadanya Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Matematik Tambahan, Sains, Biologi, Kimia dan Fizik, Sejarah , Kemahiran Hidup, Geografi dan Ekonomi.

### **Tenaga Pengajar**

Guru Tahfiz merupakan Hafiz Al-Quran sepenuhnya dan berkelulusan sekurang-kurangnya Diploma Tahfiz. Malah, bagi Guru Agama/Arab adalah dikalangan guru berpengalaman dan

berijazah. Akhir sekali, bagi Guru Akademik dan Sains pula terdiri di kalangan guru pakar dan berpengalaman.

### **Sukatan Dan Kurikulum**

Buku-buku teks dan sukanan pelajaran Tahfiz, Agama dan Arab di MTSYK adalah berpandukan sukanan Maahad Al-Azhar, Mesir. Manakala, Akademik dan Sains iaitu berpandukan sukanan kebangsaan berasaskan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM).

### **SISTEM PEMBELAJARAN**

Waktu pembelajaran seperti berikut:

<b>Jadual pembelajaran Ahad hingga Khamis</b>	
<b>Masa</b>	<b>Subjek</b>
7:30-8:30 am	Tahfiz
8:30-11:45 am	Agama dan Arab
11:45-12:45 am	Tahfiz
2:30-4:30pm	Akademik dan Sains
8:00-10:00 pm	Tahfiz

Berdasarkan jadual di atas, pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah mempunyai masa yang terisi setiap pagi, tengahari dan malam. Bermula 7:30 hingga 8:30 pagi, pelajar menghafal Al-Quran (ruang Tahfiz). Seterusnya, bermula 8:30 hingga 11:45 pagi, subjek yang dipelajari oleh pelajar MTSYK adalah Agama dan Arab. Pada sesi tengahari pula, bermula jam 11:45 hingga 12:45 tengahari berbalik kembali kepada sesi Tahfiz dan hafalan. Disamping itu, bagi pada waktu petang bermula jam 2:30 hingga 4:30 adalah masa untuk pelajar belajar subjek ajademil dan Sains. Akhir Sekali, pada waktu malam iaitu bermula pada pukul 8:30 hingga 10:00 malam, pelajar kembali menyambung kepada bidang hafalan iaitu Tahfiz.

<b>Waktu pembelajaran pelajar MTSYK Jumaat dan Sabtu (hujung minggu)</b>	
8:00-11:00 am	Tahfiz
8:30-10:00 pm	Agama dan Arab

Berdasarkan jadual di atas, Pada hujung minggu, para pelajar MTSYK tetap terisi masa mereka dengan sebaiknya bermula jam 8:00 hingga 11:00 pagi dengan hafazan dan tahfiz. Manakala, pada waktu malam, bermula jam 8:30 hingga 10:00 pelajar MTSYK adalah dengan menumpukan pelajaran dalam aliran Agama dan Arab. Seterusnya, waktu kendiri pelajar MTSYK terisi dengan Ibadah solat lima waktu secara berjemaah dan pengajian tafakuh kitab turath.

### Pencapaiannya

Untuk pencapaian, kami mengedarkan soalan dan jawapan kepada pelajar yang lulus dari institut. Sebahagian daripada mereka menjawab, seratus peratus pelajar yang menjawab berjaya memasuki peringkat universiti, dan kesemuanya fasih dalam al-Quran, seperti Universiti Al-Azhar, Universiti Al-Madinah Al-Munawwarah, Darul Al-Quran, dan Institut Al-Quran, contohnya (biologi), multimedia, kejuruteraan, undang-undang, perubatan, dan sebagainya. Dalam erti kata lain, ini dapat membuktikan bahawa pelajar dari sekolah tahfiz juga boleh mempunyai masa depan yang cerah untuk meningkatkan pembelajaran mereka seperti pelajar biasa. Malah mampu meneruskan pengajaran al-Quran di universiti luar dan dalam negeri.

### Kesimpulan

Kewujudan Sekolah Agama Swasta Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah (MTSYK) yang terletak di Baling, Kedah ini merupakan salah satu daripada institusi pendidikan yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam melahirkan huffaz yang cemerlang serta negeri di Malaysia khususnya. Oleh itu, Kami telah memilih Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah yang terletak di Baling, Kedah ini dengan mengkaji kaedah yang digunakan untuk pelajar menghafal iaitu Sabak, Sabki, Mokhtar dan Manzil. Kaedah ini juga termasuk hafalan baru dan juga hafalan lama yang boleh dikuatkan oleh pelajar. Tidak dinafikan ramai dikalangan pelajar sekolah ini menghafaz 30 juzuk al-Quran dan mampu melanjutkan pelajaran di universiti yang berbagai.

Melalui penelitian serta kajian lapangan yang dilakukan terhadap sekolah MTSYK ini, terbukti bahawa pihak sekolah mampu menghasilkan para pelajar yang cemerlang dalam hafazan dan pintar berkomunikasi berbahasa arab walaupun segelintirnya hanya menguasai bahasa Al-Quran itu sekadar secara asasnya. Malah, alumni MTSYK kebanyakannya melanjutkan pengajian tinggi di negara timur tengah seperti Mesir, Sobra, Madinah Al-Munawwarah dan sebagainya. Namun, bukan mudah untuk menghasilkan para pelajar yang cemerlang dalam pendidikan disamping mempunya sahsiah yang terpuji.

Akhir kata, semoga Maahad Tahfiz Sains Yayasan Khairiah mampu melahirkan lebih ramai penghafaz al-Quran. Pada masa yang sama, kami berharap agar para pelajar dapat terus menghafaz al-Quran kerana al-Quran akan memberi syafaat kepada kita di akhirat kelak sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh muslim: <sup>5</sup> (أَقْرُءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ)

<sup>5</sup> Imam Muslim, Saheh Muslim, juzuk 1, m/s 553

## Rujukan

- Abdul Jalil Bin Hanafee. (2021, Mei 6). *Sumbangan Ustaz Jalil sebagai Pendakwah Bebas*.  
Avif Alviyah. 2016. Metode Penafsiran Buya Hamka Dalam Tafsir Al-Azhar. Ilmu Usuluddin. 15(1): 25-35.
- Ali, Zainuddin. (2011). Pendidikan Agama Islam. Jakarta: Bumi Aksara
- Sugiyono. (2015). Metode Penelitian Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif, Kualitatif Dan R&D. Bandung: Alfabeta.
- A.M. Ismatulloh. 2015. Metode dakwah dalam Al-Quran (Studi Penafsiran Hamka terhadap QS. An-Nahl:125). Lentera. 19(2): 155-169.
- Al-Fadhil Ustaz Khairul Ashraf, 2020. Temubual bersama Alia, 3 Disember 2022, Kedah Darul Aman.
- Al-Fadhil Ustaz Muhammad Bukhari, 2020. Temubual bersama Aini, 3 Disember 2022, Kedah Darul Aman.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani. 2018. Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*.
- DI, S. P. T. A. Q., & OKU, K. نُوْظَفَأَخْلُقُ هَلْ أَنْبَأْوَ رَكِذَلَا الْتَّرْزَنْ تُحَنْ أَنْبَأْ. *Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran*, 1, 183.
- Darul Quran 2006. *Sejarah Darul Quran. Bahagian Perhubungan Darul Quran* JAKIM. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Imam Nawawi. (43AD). *Al-Tibyan Fi Adab Hamalat Alquran*. Beirut: Dar al-Nafais.Al-Qabisi.
- Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. Ar-Risalah al-mufassolah li ahwal al-mua'allimin wa ahkam almu'allimin wal mutaalimin. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al Arabiyah.
- Imam Muslim, Muslim Bin Hajjaj, Saheh Muslim, Qaherah: Darul Teibah, 1374 H/ 1955M.
- Paradsym. (12 9, 2009). *Sejarah Penubuhan Yayasan Khairiah*. <https://www.scribd.com/document/19682653/Sejarah-Penubuhan-Yayasan-Khairiah>
- Rahman, N. A. (22 6, 2022). *Pelajar tetap dididik walaupun 'buta' al-Quran*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/968699/pelajar-tetap-dididik-walaupun-butu-al-quran>
- Rahim, S. Z. (2010, 6 20). *Yayasan Khairiah tubuh Pusat Tahfiz Al-Quran dan Sains*. <http://pkwr-ayerhitam.blogspot.com/2010/06/yayasan-khairiah-tubuh-pusat-tahfiz-al.html?m=1>
- "Sekolah Menengah Agama Yayasan Khairiah." Wikipedia, 14 Oct. 2019, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah\\_Menengah\\_Agama\\_Yayasan\\_Khairiah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Menengah_Agama_Yayasan_Khairiah)